AMALAN PENERAPAN QUDWAH HASANAH GURU DALAM KALANGAN GURU PDPP DAN PDP INSTITUT PENDIDIKAN GURU ZON UTARA

Ahmad Sukari Mohamad (Ph.D)[1], Noraziah Ahmad Nadzim (Ph.D)[2]
Jabatan Perancangan Penyelidikan dan Inovasi,[1,2]
Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun
sukari3131@gmail.com[1]

Abstrak

Secara praktikalnya, peribadi dan adab guru Pendidikan Islam (GPI) sepatutnya mampu dicontohi dan diteladani oleh para pelajar. Seluruh kehidupan GPI juga perlu berupaya menonjolkan adab-adab agama dan sifat-sifat mahmudah supaya seluruh amal dan pekerjaannya menjadi ibadat kepada Allah dan berlandaskan sunnah yang telah ditunjukkan nabi Muhammad SAW. Justeru, artikel ini bertujuan membentangkan hasil kajian tentang amalan penerapan qudwah hasanah dalam kalangan guru pelatih Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP) dan guru pelatih Program Diploma Pendidikan (PDP). Kajian ini berbentuk tinjauan yang menggunakan kaedah kuantitatif. Data kuantitatif diperoleh daripada 78 orang guru pelatih PDPP dan PDP dini yang sedang menjalani latihan praktikum keguruan di Institut Pendidikan Guru (IPG) zon utara melalui set instrumen soal selidik yang dianalisis menggunakan SPSS v. 27. Hasil data kuantitatif menunjukkan bahawa guru PDP dan PDPP melaksanakan amalan penerapan qudwah hasanah dengan baik terhadap pelajar dengan cara menjaga penampilan diri dan adab sopan, melibatkan diri dengan aktiviti sekolah, bersikap rendah diri, menjaga hubungan baik dengan Allah dan sesama manusia.

Kata Kunci: Penerapan qudwah hasanah, guru pendidikan Islam

Abstract

Practically,, the personality and manners of Islamic Education (GPI) teachers should be able to be emulated and imitated by students. The entire life of the GPI also needs to strive to emphasize religious etiquette and mahmudah qualities so that all its deeds and work become worship of Allah and are based on the sunnah that was demonstrated by the Prophet Muhammad SAW. In fact, this article aims to present the results of a study regarding the practice of implementing qudwah hasanah among teacher trainers for the Postgraduate Education Diploma Program (PDPP) and teacher trainers for the Education Diploma Program (PDP). This study is in the form of a review that uses quantitative methods. Quantitative data was obtained from 78 PDPP and PDP teachers trainee who were undergoing teacher practicum training at the Institute of Teacher Education (IPG) in the northern zone by questionaire and analyzed by using SPSS v. 27. The results of the quantitative data show that PDP and PDPP teachers carry out the practice of implementing qudwah hasanah towards students by maintaining their personal appearance and polite manners, involving themselves in school activities, being humble, maintaining good relationships with Allah and fellow humans.

Keywords: Application of qudwah hasanah, Islamic education teacher

PENGENALAN

Tugas guru Pendidikan Islam (GPI) bukan sekadar memindahkan ilmu pengetahuan secara teori kepada murid tetapi perlu mempraktikkan akhlak mulia untuk dicontohi dan diamalkan oleh murid-muridnya. GPI perlu menjiwai tugas sebagai guru dan mempunyai personaliti yang baik agar dapat mempengaruhi pembentukkan peribadi murid. GPI perlulah menunjukkan qudwah hasanah yang dapat memberi kesan kepada perubahan tingkahlaku yang baik terhadap anak muridnya (Ab. Halim Tamuri, 2021).

Qudwah bermaksud perbuatan yang patut diikuti, dicontohi atau ditiru oleh orang lain. Hasanah pula bermaksud yang baik atau kebaikan (Noresah Baharum et. al (2010). Qudwah hasanah dalam konteks agama merujuk kepada mengambil contoh atau meniru terutama bagi menghasilkan sifat atau tingkah laku yang baik. Adab baik tersebut seterusnya mampu menjaga hubungan sesama manusia dan menimbulkan rasa malu untuk melakukan perkara yang

bertentangan dengan peraturan Allah SWT (Haron Din, 1988). Al-Quran menggesa orang Islam menjadikan Rasulullah SAW dan Nabi Ibrahim sebagai suri teladan dan contoh ikutan dalam menjalani kehidupan. Firman Allah S.W.T yang bermaksud:

> "Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)."
>
> Surah Al-Ahzab (33) :21

Mengikut Ibnu Kathir dalam ayat di atas, Allah SWT menyeru umat Islam mencontohi Rasulullah SAW pada perkataan, perbuatan dan tingkah laku Baginda. Umat Islam juga diseru mengambil contoh kesabaran Rasulullah SAW, kesungguhannya, dan pergantungan Baginda yang kuat kepada Allah SWT pada hari peperangan al-Ahzab ketika berdepan dengan musuh yang ramai daripada tentera al-Ahzab (Ibn Kathir, 1420H). Dalam ayat tersebut Allah SWT menyatakan bahawa mereka yang menjadikan Rasulullah SAW sebagai *qudwah* sentiasa pasrah dan mengharapkan redha Allah SWT, yakin kepada hari kiamat dan sentiasa mengingati Allah SWT. Muhammad Qutb (1987) pula menjelaskan maksud *uswah hasanah* bahawa Rasulullah SAW merupakan qudwah dari segi kemantapan akidah, qudwah dari segi pelaksanaan ibadah, qudwah dari segi kepimpinan negara, qudwah sebagai suami dan bapa. Sifat kepimpinan Baginda SAW merupakan teladan kepada pemimpin, para ibu bapa, pendidik dan sebagainya.

Menurut Mohd Kamal Hassan (1988), guru perlu meneladani model peribadi Rasulullah SAW dengan menunjukkan qudwah dan akhlak mulia kerana qudwah hasanah inilah yang akan membantu pembentukan akhlak para pelajar. Menurut beliau tidak ada tutur kata, amalan dan tingkau laku seorang guru yang bersifat *value free* (bebas nilai). Asmawati Suhid (2006) pula menyatakan amalan dan tingkah laku guru seharusnya mencerminkan kurikulum adab Islam yang diajar di sekolah iaitu adab dalam kehidupan seharian, adab dalam kehidupan sosial, adab dalam menunaikan ibadah, adab terhadap ibu bapa dan keluarga, adab menuntut ilmu dan adab dengan Al-Quran. Ini bermaksud guru sebagai penerap qudwah hasanah perlu berupaya membimbing, memandu, menunjuk jalan dan mengamalkan adab-

adab seorang Muslim terhadap dirinya sama ada bersifat adab zahir atau batin, mengamalkan ilmu yang diajar dan memimpin pelajar untuk mengamalkan adab-adab tersebut (Ahmad Sukari, 2014).

Kajian oleh Ahmad Fakhruddin, Najmi Mustapa & Khazri Osman (2024) mendapati bahawa program dakwah dan tarbiah di Sekolah Menengah Agama (Atas) Sultan Zainal Abidin (SMAASZA),dapat direalisasikan dengan baik hasil kerjasama semua pihak sama ada pelajar, guru, pentadbir dan ibu bapa dalam membina sahsiah diri pelajar. Guru-guru GPI didapati menjadikan diri mereka contoh terpuji dalam aspek penampilan diri, ibadah, amalan adab-adab dan sunah Rasulullah SAW. Walau bagaimanapun, Kajian Abdul Halim Tamuri dan Ahmad Munawar Ismail (2021) terhadap tahap kualiti guru Pendidikan Islam (GPI) daripada aspek menjadikan guru sebagai ikutan atau qudwah berdasarkan persepsi pelajar masih berada pada tahap rendah. Berdasarkan kajian ini hubungan baik guru, pelajar dan ibubapa, contoh teladan dan persekitaran yang baik berupaya melahirkan pelajar yang bersahsiah tinggi. Kajian ini menyamai dapatan terdahulu Abdul Halim Tamuri et. al (2007) yang mendapati GPI kurang berjaya menerapkan aspek qudwah hasanah kepada pelajar dari segi penampilan yang kurang kemas, kelihatan tidak terurus, berkeperibadian buruk dan tingkah laku tidak selari dengan akhlak dan ilmu agama yang disampaikan kepada pelajar Sebaliknya, kajian oleh Arifin Mamat et. al. (2014) berkaitan *Tahap Profesionalisme Guru-guru Agama Sekolah Rendah Agama - Jabatan Agama Islam Selangor: Satu Kajian tentang Sikap Guru* menunjukkan majoriti daripada responden berpuas hati dengan ciri-ciri sikap guru yang mengajar di SRA-JAIS. Walau bagaimanapun, kajian ini juga menunjukkan beberapa dapatan yang berada pada tahap sederhana tinggi seperti guru-guru tidak menepati waktu (min = 3.96), contoh teladan guru (min = 3.97) dan kesediaan untuk berkhidmat di luar waktu tugas rasmi (min = 3.91).

Kebelakangan ini, pelbagai isu pendidikan yang timbul adalah amat berkait rapat dengan persoalan etika guru pada pelbagai peringkat. Saban tahun kedengaran beberapa kesalahan etika yang melibatkan guru seperti salah laku moral dan gangguan seksual. Contohnya, guru didakwa memperdagang Wanita untuk eksploitasi seks (Berita Harian, 2024), guru ponteng sekolah selama tujuh bulan (Malaysiakini, 2023), melakukan amang seksual dan kelucahan melampau terhadap-kanak-kanak (Astro Awani, 2022) kes tiga pelajar tahfiz cedera dirotan (Berita Harian, 29 Julai 2016), guru terlibat dalam penipuan dan skim cepat kaya (Utusan, 6 Ogos 2016), guru besar

dijatuhi hukuman penjara dan denda atas tuduhan salah guna kuasa (Harian Metro, 27 Julai 2017) dan pelbagai kes-kes lain. Walaupun kes-kes ini sebahagiannya masih dalam siasatan namun ia telah dilaporkan oleh media massa yang sedikit sebanyak menjejaskan pandangan masyarakat terhadap imej guru.

Lantaran itu, kajian berkaitan amalan penerapan qudwah hasanah dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Islam Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP) dan Program Diploma Perguruan (PDP) di Institut Pendidikan Guru (IPG), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) wajar dijalankan bagi mengenalpasti tahap amalan mereka dalam menerapkan qudwah hasanah kepada pelajar. Hal ini adalah kerena mereka merupakan guru permulaan dan sedang menjalani praktikum di IPG.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan berdasarkan objektif kajian berikut:

i. Mengenalpasti tahap perbezaan amalan qudwah hasanah dalam kalangan guru PDPP dan PDP Zon Utara berdasarkan jantina.
ii. Mengenalpasti tahap perbezaan amalan qudwah hasanah dalam kalangan guru PDPP dan PDP Zon Utara berdasarkan program.
iii. Mengenalpasti tahap amalan penerapan amalan qudwah hasanah guru PDPP dan PDP IPG Zon Utara.

PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan bagi menjawab soalan

i. Adakah terdapat perbezaan amalan qudwah hasanah dalam kalangan guru PDPP dan PDP IPG zon utara berdasarkan faktor jantina?
ii. Adakah terdapat perbezaan amalan qudwah hasanah dalam kalangan guru PDPP dan PDP Zon Utara berdasarkan program?
iii. Apakah tahap amalan qudwah hasanah dalam kalangan guru PDPP dan PDP IPG zon utara?

Kajian amalan penerapan qudwah hasanah guru PDPP dan PDP Zon Utara ini penting untuk dilaksanakan bagi memberi sumbangan input kepada Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya dan amnya kepada semua warga GPI daripada aspek:

i. menghasilkan guru yang berwibawa dan berakhlak mulia dalam memartabatkan profesion keguruan.
ii. memberi maklumat berkaitan amalan penerapan qudwah hasanah guru terhadap pelajar supaya dapat menjadi contoh teladan yang baik terhadap para pelajarnya.
iii. menyediakan kursus atau latihan yang dapat meningkatkan kualiti peribadi guru sebagai agen qudwah hasanah.

LITERATUR

GPI seharusnya berupaya menonjolkan adab yang baik yang boleh diteladani, ditiru atau dijadikan contoh oleh para pelajar dan warga sekolah. Pertuturan, perbuatan dan tingkah laku guru seharusnya mencerminkan adab dan akhlak Islam sebagaimana Saidatina Aisyah menggambarkan bahawa akhlak nabi adalah cerminan daripada ajaran dan kandungan al-Quran. Menurut Asmawati Suhid (2006), amalan dan tingkah laku guru seharusnya mencerminkan keperibadian seorang guru yang berwatak Islam di sekolah.

Al-Ghazali (t.t) memberikan satu perumpamaan yang menarik berkaitan qudwah guru. Menurut beliau guru yang membimbing pelajar umpama ukiran dengan tanah liat atau bayangan dengan tongkat. Menurut beliau *"mana mungkin tanah liat dapat terukir sendiri tanpa ada alat untuk mengukur, bagaimana mungkin bayangan menjadi lurus kalau tongkat itu bengkok". (*Abidin Ibnu Rusn,1988).

Lantaran itu, satu dimensi penting contoh qudwah adalah apa yang keluar dari *lisan* guru sama dengan apa yang ada di hati. Guru perlu bertindak sesuai dengan apa yang dinasihatkan atau dengan kata lain percakapannya seiring dengan perbuatan. Allah mencela golongan yang pandai bercakap tetapi perbuatannya tidak seiring dengan percakapan melalui firman-Nya yang bermaksud:

> “Patutkah kamu menyuruh manusia supaya berbuat kebaikan sedang kamu lupa akan diri kamu sendiri; padahal kamu semua membaca Kitab Allah, tidakkah kamu berakal?”
>
> Surah Al-Baqarah (1) : 44

Dalam konteks guru, Mohd Kamal Hassan (1988) menyatakan guru perlu meneladani model peribadi Rasulullah SAW dengan menunjukkan teladan dan akhlak mulia kerana qudwah hasanah inilah yang akan membantu pembentukan akhlak para pelajar. Menurut beliau, tidak ada tutur kata, amalan dan tingkah laku seorang guru yang bersifat *value free* (bebas nilai). Guru agama yang baik, berdedikasi serta menunjukkan tauladan yang baik akan cuba memenuhi empat saranan pendidikan agama iaitu pemberian ilmu pengetahuan, kepercayaan-kepercayaan dan sikap-sikap yang dikehendaki agama, pembentukan akhlak, tingkah laku dan budi pekerti dan yang terakhir adalah pembentukan kemahuan bertindak dan beramal sesuai dengan kehendak Islam. (Ahmad Sukari, Mohd Nizam, 2020)

Teori Pembelajaran Sosial Menurut Albert Bandura (1999), menyatakan manusia bertindak balas terhadap pemerhatian yang dilaksanakannya melalui pancaindera mata, lidah dan telinga. Melaluinya proses pembelajaran berlaku secara semula jadi dan merangsang interaksi sosial yang lain. Dalam hal ini, perlakuan manusia merangkumi zahiriah dan batiniah. Aspek batiniah sukar dikawal serta ia mengawal tingkah laku zahiriah manusia (Fariza, Salasiah Hanin & Mohd. Jurairi Sharifuddin, 2013). Hal ini kerana manusia tidak boleh melihat pemikiran dan emosi seseorang melainkan apabila telah dizahirkan melalui tingkah laku dan perlakuan manusia.

Bagi memastikan guru merupakan seorang penerap qudwah hasanah, beberapa adab dan sifat-sifat tertentu perlu dimiliki oleh GPI termasuk guru pelatih PDP dan PDPP. Gamal Abdul Nasir (2003) telah mengeluarkan beberapa pandangan Ibnu Sahnun dalam kitabnya *Adab Al-Mutaallimin* mengenai sifat guru. Antara sifat guru menurut beliau ialah ikhlas, takwa, bertanggungjawab dan sopan santun, Menurut al-Nawawi, guru mesti memiliki akhlak yang baik sebagaimana yang ditetapkan syarak, berkelakuan terpuji dan mengamalkan sifat-sifat baik yang disunatkan Allah SWT seperti zuhud terhadap dunia, bersifat pemurah dan dermawan, wajah yang

berseri-seri tanpa melampaui had, penyantun, sabar, bersifat warak, khusyuk, tenang, berwibawa, rendah hati menghindari senda gurau dan ketawa yang berlebihan. Guru juga mestilah mengamalkan amalan syariah seperti membersihkan kotoran pada diri, menggunting misai dan kuku, menyikat janggut, menghilangkan bau busuk dan menghindari pakaian-pakaian tercela. Sifat-sifat tercela seperti dengki, riyak, sombong dan suka melecehkan orang lain sekali pun lebih rendah kedudukannya perlu dijauhkan.

Lima sifat utama guru cemerlang pendidikan Islam hasil kajian Kamarul Azmi Jasmi (2011) ialah amanah, ikhlas, takwa, berilmu serta beramal, khusyuk dan tawaduk. Menurut Abdullah Nasih Ulwan (1991), adalah suatu kewajipan seorang guru mendahulukan pembentukan peribadi dan akhlak daripada pembentukan segi ilmu dan pembelajaran anak-anak. Al-Syaikh Abd Al-Samad al-Falimbani (2002) dalam kitabnya *Sairu al-Salikin Jalan Kemuliaan Ahli Sufi* telah menyenaraikan beberapa sifat yang perlu ada pada guru supaya dapat dijadikan teladan. Antaranya (a) bersifat sabar, (b) bersifat penyantun, (c) bersopan santun, (d) jauhi sifat takbur, (e) bersifat tawaduk, (f) bersifat kasih sayang, (g) meneliti pertanyaan dengan saksama, (h) jangan mengambil upah, (i) jangan malu mengakui kelemahan, (j) perhatikan pertanyaan dengan baik, (k) menerima dalil orang lain, (l) mengikuti kebenaran, (m) mencegah kemudaratan, (n) menegah orang berpaling dari niat baik, (o) tidak mendahulukan Fardu kifayah, dan (p) mengamalkan ilmunya.

Al-Muhammadi (1982) menyatakan bahawa Syeikh Abdul Samad al-Kelantani dalam kitabnya *Minhatul Qarib* membicarakan tentang hubungan guru dengan pelajar dan sifat-sifat yang perlu ada pada seorang guru. Antara sifat yang perlu ada pada seorang guru mengikut Syeikh Abdul Samad adalah,:

a. Bersedia dan mampu memikul beban kesusahan.
b. Mengamalkan adab seorang guru seperti duduk dalam keadaan beradab, menjaga pandangan mata, rendah diri dan tawaduk, tidak takabbur dan menjaga hubungan baik dengan Pencipta.
c. Berupaya mengawal diri ketika marah
d. Bersifat tawaduk dalam perhubungan dengan orang lain dan menjauhi sifat takabbur..
e. Bersifat lemah lembut dan bersabar terhadap soalan daripada para pelajar walaupun soalan itu nampak remeh.

f. Bersedia mengakui sesuatu yang dia tidak tahu. Malahan sedia menerima pandangan pelajar jika hujah yang diberikan lebih bernas.
g. Melarang pelajar daripada mempelajari sebarang ilmu yang tidak bermanfaat.
h. Mengamalkan ilmu yang diajarkan kepada pelajar supaya menjadi contoh kepada mereka.

Al-Ghazali pula memberi penekanan kepada penjagaan adab zahir dan batin bagi memastikan guru berupaya menjadi teladan kepada para pelajar:

a. Adab zahir merujuk kepada menjaga penampilan diri seperti kebersihan tubuh badan, penjagaan gigi, sentiasa menjaga perkara fitrah seperti memotong kuku, menggunting dan menyikat rambut, menggunting misai, memakai bau-bauan yang menyenangkan bagi guru lelaki, dan pemilihan pakaian yang kemas, bersih dan sesuai (Kamarul Azmi Jasmi, 2010). Penampilan pakaian seorang guru agama mestilah menunjukkan dia seorang guru agama. Pakaian selekeh, comot, tidak kemas, ketat dan sebagainya menjatuhkan martabat diri guru di hadapan para pelajar. Ini bermaksud guru mestilah mengelakkan daripada memakai pakaian atau membawa satu penampilan buruk yang mendatang kesan negatif dan tanggapan tidak baik menurut kaca mata Islam. Imam Abu Hanifah sebagai contoh seorang yang cukup menjaga penampilan diri sehingga apabila beliau lalu orang lain mengetahui melalui wangian yang dipakai oleh beliau. Termasuk dalam amalan adab terhadap diri sendiri yang perlu diberi perhatian oleh GPI adalah adab ketika makan, adab ketika musafir, ketika memakai pakaian, melihat cermin, memasuki masjid, ketika tidur, ketika menyambut tetamu, ketika duduk dan lain-lain lagi (Ahmad Sukari, Mohd Nizam, 2020)

b. Adab batin merujuk kepada kebersihan batin iaitu usaha memelihara diri dari sifat-sifat *mazmumah* dan menggantikan dengan *fadilat* dan sifat *mahmudah.*

Kesimpulannya, GPI seharusnya mempunyai aras (*standard*) amalan dan tingkah laku tertentu sehingga memungkinkan dia dilihat sebagai contoh dan teladan oleh pelajar. Amalan GPI termasuk guru pelatih PDP dan PDPP seharusnya mencerminkan kurikulum yang diajar bahkan dilihat sebagai kurikulum bergerak oleh para pelajar. Justeru, guru pelatih PDP dan PDPP perlu mempunyai sahsiah yang sesuai dengan watak sebagai GPI, mempunyai hubungan yang baik dengan Allah SWT dan sesama manusia serta menjaga adab-adab zahir seperti kebersihan pakaian dan adab batin seperti ketulusan hati.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian kuantitatif ini berbentuk tinjauan. Sampel kajian ini terdiri daripada populasi 120 GPI PDPP dan PDP yang melibatkan 78 sampel bagi Kursus Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP) dan Program Diploma Perguruan (PDP) daripada 4 IPG Kampus Zon Utara.iaitu di Pulau Pinang dan Kedah.

Satu set soal selidik yang menggunakan skala likert bagi meninjau pandangan guru pelatih PDP dan PDPP berkaitan amalan penerapan qudwah hasanah telah digunakan. Skala likert (5 poin) yang digunakan ialah tidak pernah, jarang-jarang, kadang-kadang, kerap dan sangat kerap. Item soal selidik telah . Kajian Amalan Penerapan Qudwah Hasanah Guru PDPP dan PDP IPG Zon Utara ini menggunakan instrumen set soal selidik melalui *googleform* yang telah disemak dan telah mendapat kesahan pakar dari Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan Universiti Sains Malaysia dan pakar Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia. Set soal selidik ini diedarkan melalui pautan *(link)* yang disediakan melalui aplikasi *whatsap* kepada Ketua Jabatan, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral IPG Kampus yang terlibat.

Pengkaji menggunakan statistik deskriptif bagi menunjukkan skor min, peratusan dan sisihan piawai untuk menyatakan ciri-ciri sesuatu pembolehubah yang dikaji. Analisis inferensi turut digunakan bagi mendapat nilai perbezaan amalan qudwah hasanah GPI berdasarkan jantina dan juga program. Bagi tujuan menginterpretasi data berkaitan tahap amalan qudwah hasanah guru PDPP dan PDP Zon Utara, pengkaji mengguna pakai rumusan Nunally (1978) yang telah digunakan oleh Azhar Ahmad (2006) dan Kamarul Azmi Jasmi (2010) seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1
Skala Tahap Amalan Qudwah Hasanah Guru

Skor Min	Interpretasi
4.01 – 5.00	Tinggi
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
1.00 – 2.00	Rendah

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bersama ini disertakan maklumat demografi responden yang lengkap sebelum pengkaji memberikan dapatan bagi soalan-soalan kajian.

Jadual 2
Taburan responden mengikut program dengan jantina

		Jantina		
		lelaki	perempuan	Keseluruhan
Program	PDPP	22	31	53
	PDP	7	18	25
Total		29	49	78

Jadual 3
Taburan responden mengikut tahap pendidikan

Tahap pendidikan	Program		Keseluruhan
	PDPP	PDP	
SPM	0	3	3
STPM	0	5	5
DIPLOMA	0	7	7
IJAZAH	48	9	57
MASTER	5	1	6
Keseluruhan	53	25	78

Secara keseluruhan terdapat seramai 120 orang guru PDPP dan guru PDP yang mengikuti pengajian di institut Pendidikan guru Zon utara. Maklumat responden berasaskan jadual 2 ini secara asasnya menggambarkan bahawa responden telah mewakili populasi kajian. Sementara data pada jadual 3 pula menggambarkan tahap Pendidikan yang berbeza bagi responden kajian iaitu secara keseluruhan pelajar PDPP memiliki ijazah sarjana muda bidang Pendidikan Islam. Malahan terdapat seramai 5 orang memiliki ijazah peringkat master. Sebaliknya ini berbeza dengan guru PDP kerana ada di kalangan mereka yang hanya memiliki sijil SPM dan STPM. Ini adalah kerana syarat minima pengampilan guru PDP adalah SPM. Selain itu guru PDP yang memiliki ijazah dan master bukanlah daripada bidang Pendidikan Islam.

Dapatan Kajian

1. **Adakah terdapat perbezaan amalan qudwah hasanah dalam kalangan guru PDPP dan PDP IPG zon utara berdasarkan faktor jantina?**

Ho^1 : Tidak Terdapat Perbezaan yang Signifikan di Antara Skor Min Amalan Qudwah Hasanah Berdasarkan Jantina.

Hipotesis nul ini bertujuan untuk melihat sama ada wujudnya perbezaan yang signifikan antara Amalan qudwah hasanah dengan jantina responden kajian. Keputusan ujian-t dalam jadual ini menunjukkan min bagi lelaki ialah 4.4787 dan perempuan ialah 4.3878 dan nilai t = 963. Oleh itu nilai p = 0.071 adalah lebih besar daripada alpha 0.05 (p = 0.071 > 0.05).

Jadual 4
Keputusan Ujian -T Perbezaan Jantina Dengan Amalan Qudwah Hasanah

Jantina	*Bil*	*Min*	*SP*	*t*	*p*
Lelaki	29	4.4787	.34470	.963	.071
Perempuan	49	4.3878	.43358		

Hasil keputusan ujian seperti ditunjukkan dalam Jadual 4 gagal menolak hipotesis nul kajian. Kesimpulannya tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara amalan qudwah hasanah dengan jantina.

Dapatan ini menunjukkan bahawa amalan qudwah hasanah dilaksanakan oleh semua guru lelaki dan perempuan dengan baik. Walaupun tidak terdapat perbezaan yang signifikan sehingga hipotesis nol ditolak namun dapatan menunjukkan bahawa min guru lelaki iaitu 4.4778 lebih tinggi berbanding guru perempuan iaitu 4.3878. Ini menunjukkan guru lelaki dari segi amalan qudwah hasanah lebih tinggi sedikit berbanding guru perempuan.

2. Adakah terdapat perbezaan amalan qudwah hasanah dalam kalangan guru PDPP dan PDP IPG zon utara berdasarkan faktor program?

Ho^2: Tidak Terdapat Perbezaan yang Signifikan di Antara Skor Min Amalan Qudwah Hasanah Berdasarkan Program

Hipotesis nul ini bertujuan untuk melihat sama ada wujudnya perbezaan yang signifikan antara Amalan qudwah hasanah dengan program responden kajian. Keputusan ujian-t dalam jadual ini menunjukkan min bagi PDPP ialah 4.4051dan PDP ialah 4.4565 dan nilai t = .838 Oleh itu nilai p = 0.042 adalah lebih kecil daripada alpha 0.05 (p = 0.071 < 0.05).

Jadual 5
Keputusan Ujian -T Perbezaan Program Dengan Amalan Qudwah Hasanah

Program	*Bil*	*Min*	*SP*	*t*	*p*
PDPP	53	4.4051	.40601	.838	.042
PDP	25	4.4565	.40230		

Hasil keputusan ujian seperti ditunjukkan dalam Jadual 5 berjaya menolak hipotesis nul kajian. Kesimpulannya terdapat perbezaan yang signifikan di antara amalan qudwah hasanah dengan program GPI.

Dapatan ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara amalan qudwah hasanah guru PDP dengan guru PDPP. Amalan qudwah hasanah guru PDP dengan min 4.4565 lebih tinggi berbanding guru PDPP dengan min 4.4051. Dapatan ini menarik untuk dibincangkan kerana dari segi pendidikan data amalan qudwah hasanah berdasarkan program seperti dalam jadual 3 menunjukkan bahawa tahap Pendidikan guru PDPP adalah lebih tinggi iaitu sekurang-sekurangnya peringkat ijazah sementara guru PDP tahap pendidikan minima mereka hanyalah SPM. Ini menunjukkan bahawa

amalan qudwah hasnah guru tidak berkait dengan tahap pendidikan guru. Ini adalah kerana mungkin terdapat guru PDPP yang kurang beramal dengan amalan dan adab-adab baik yang seharusnya ditunjukkan oleh seorang guru. Dalam hal ini terdapat dalil dari al-quran dan hadis yang mencela seorang yang berilmu tapi tidak beramal dengan ilmu yang ada. Selain itu terdapat kemungkinan bahawa guru PDP lantaran mereka mengajar murid sekolah rendah, maka mereka lebih suka untuk menunjuk cara bagi melaksanakan sesuatu adab dan amalan agama berbanding guru peringkat sekolah menengah lantaran pelajar-pelajar mereka telah besar.

2. Apakah tahap amalan qudwah hasanah dalam kalangan guru PDPP dan PDP IPG zon utara?

Qudwah hasanah diukur berdasarkan amalan yang dilakukan oleh GPI PDPP dan PDP dalam menonjolkan adab baik yang boleh diteladani, ditiru atau dijadikan contoh oleh para pelajar dan warga sekolah. Terdapat 17 item yang telah dikemukakan (B1-B17). Secara keseluruhan, jadual 6 menunjukkan tahap min amalan qudwah hasanah responden berada pada tahap tinggi iaitu 4.4 (s.p=.40).

Jadual 6

Tahap Amalan Qudwah Hasanah Dalam Kalangan Guru PDPP Dan PDP IPG Zon Utara

Bil	*Amalan Qudwah Hasanah GPI*	*1*	*2*	*3*	*4*	*5*	*Min*
		% (n)	*% (n)*	*% (n)*	*% (n)*	*% (n)*	
1	Berpakaian kemas dan bersih				20 25.6	58 74.4	4.74
2	Berpakaian sesuai dengan etika keguruan			2 2.6	24 30.8	52 66.7	4.64
3	Bercakap dengan berhemah kepada pelajar		1 1.3	3 3.8	31 39.7	43 55.1	4.48
4	Bersederhana ketika makan dan minum			9 11.5	38 48.7	31 39.7	4.28
5	Menjadi contoh baik kepada warga sekolah			1 1.3	40 51.3	37 47.4	4.46
6	Beramal dengan adab- adab Islam				32 41	46 59	4.56
7	Mengerjakan solat secara berjemaah	1 1.3	1 1.3	28 35.9	32 41	16 20.5	3.78
8	Mengotakan apa yang dicakap	1 1.3		5 6.4	46 59	26 33.3	4.23
9	Terlibat dalam aktiviti anjuran sekolah			4 5.1	32 41	42 53.8	4.48
10	Terbuka untuk menerima pandangan orang lain			3 3.8	34 43.6	41 52.6	4.48
11	Melaksanakan kewajipan fardu dengan sempurna				32 41	45 59	4.56
12	Terhindar daripada sifat-sifat tercela	1 1.3		5 6.4	37 47.4	35 44.9	4.34
13	Bersedia mengakui sesuatu yang saya tidak tahu	3 3.8	3 3.8	5 6.4	25 32.1	42 53.8	4.28
14	Melaksanakan tanggungjawab sebagai guru dengan bersungguh-sungguh			3 3.8	35 44.9	40 51.3	4.47
15	Memiliki sahsiah yang sesuai sebagai seorang guru				38 48.7	40 51.3	4.51
16	Memperbanyakkan amalan Kebajikan supaya dicontohi pelajar			4 5.1	39 50	35 44.9	4.39

17	Segera membantu mereka yang dalam kesusahan	1 1.3	3 3.8	40 51.3	34 43.6	4.37
	Min Qudwah hasanah					4.421
	SP					.402

Dapatan kajian menunjukkan daripada keseluruhan 17 item, hanya satu item berada pada tahap sederhana tinggi sementara item-item lain berada pada tahap tinggi. Amalan qudwah hasanah yang berada pada tahap tinggi mengikut urutan min adalah “Berpakaian sesuai dengan etika keguruan” dengan min 4.72 (s.p=.50), diikuti “Berpakaian kemas dan bersih” dengan min 4.71 (s.p=.47). Dapatan ini disokong dengan kajian Ab. Halim Tamuri & Khadijah Abdul Razak (2016) iaitu GPI berpenampilan dengan menarik, kemas serta menutup aurat. Seterusnya, item “melaksanakan tanggungjawab sebagai guru kerana mengharapkan keredaan Allah” dengan min 4.66 (s.p=.52), “Terlibat dalam aktiviti anjuran sekolah” dengan min 4.56 (s.p=.52), “melaksanakan kewajipan fardu dengan sempurna” dengan min 4.54 (s.p=.53), “beramal dengan adab- adab Islam” dengan min 4.49 (s.p=.56) dan “terbuka untuk menerima pandangan orang lain” dengan min 4.48 (s.p=. 53). Item GPI “bercakap dengan kasar kepada pelajar” dengan min 4.34 (s.p=.96). Dapatan ini seiring dengan dapatan kajian GPI berkemampuan menggunakan pancaindera lidah dengan melazimi kata-kata yang sopan, benar dan baik khususnya semasa berinteraksi dengan murid di dalam atau luar kelas **(**Ab. Halim Tamuri, Khadijah Abdul Razak, 2016). GPI telah mengamalkan dan menunjukkan dalam kehidupan seharian dengan amalan yang selari dengan syariat Islam. GPI tidak melanggar etika Islam yang dipegang dan diketahui serta yang telah disampaikan kepada murid-murid melalui pendidikan formal di dalam kelas.

Item seterusnya iaitu GPI PDPP dan PDP “menjadi contoh baik dan *role model* kepada warga sekolah” dengan min 4.26 (s.p=.62), “Bersedia mengakui sesuatu yang saya tidak tahu” dengan min 4.26 (s.p=.84), “bersederhana ketika makan dan minum” dengan min 4.24 (s.p=.66), “terhindar daripada sifat-sifat tercela” dengan min 4.22 (s.p=.69) dan “mengotakan apa yang dicakapkan” dengan min 4.22 (s.p=.55). Walau bagaimanapun bagi item “mengerjakan solat secara berjemaah” dapatan kajian menunjukkan GPI berada pada tahap sederhana tinggi dengan min 3.92 (s.p=.75).Amalan-amalan tersebut menjadi contoh tauladan terhampir kepada murid untuk diikuti dan diamalkan dalam kehidupan seharian.

Data amalan qudwah hasanah dalam kalangan responden dikukuhkan lagi berasaskan analisis tahap sebagaimana ditunjukkan dalam jadual 7 di bawah.

Jadual 7
Analisis Tahap Amalan Responden Terhadap Amalan Qudwah Hasanah

Tahap Qudwah hasanah	*Tinggi*	*Sederhana Tinggi*	*Sederhana Rendah*	*Rendah*	*Jumlah*
Bilangan Guru	61	17			78
Peratus	78.2	21.8			100

Secara keseluruhan dapatan daripada Jadual 7 menunjukkan seramai 61 orang guru PDPP dan PDP iaitu bersamaan 78.2% beramal dengan amalan qudwah hasanah dan selebihnya seramai 17 orang guru bersamaan 21.8 % berada pada tahap sederhana tinggi dalam mengamalkan amalan qudwah hasanah. Data juga menunjukkan tidak terdapat dalam kalangan responden mempunyai tahap amalan sederhana rendah dan juga rendah.

Dapatan ini menunjukkan bahawa guru pdp dan pdp secara keseluruhan beramal dengan amalan qudwah hasanah iaitu mereka berpakaian kemas dan bersih dengan min tertinggi, berpakaian sesuai dengan etika keguruan, bercakap dengan berhemah, bersederhana ketika makan dan minum, beramal dengan adab- adab Islam, mengotakan apa yang dicakap, terlibat dalam aktiviti anjuran sekolah, terbuka menerima pandangan orang lain, melaksanakan kewajipan fardu dengan sempurna, terhindar daripada sifat-sifat tercela, bersedia mengakui sesuatu yang tidak tahu, melaksanakan tanggungjawab dengan bersungguh-sungguh, memperbanyakkan amalan kebajikan supaya dicontohi pelajar dan segera membantu pelajar yang dalam kesusahan. Dari segi amalan solat secara berjemaah min menunjukkan amalan tersebut berada tahap sederhana tinggi mungkin lantaran ramai dari responden adalah guru perempuan.

Walau bagaimanapun analisis terhadap bilangan responden berasaskan tahap menunjukkan bahawa 17 orang guru bersamaan 21.8 peratus berada pada tahap sederhana tinggi menunjukkan bahawa sesuatu usaha perlu dilakukan bagi memastikan secara keseluruhan guru-guru PDP dan PDPP mengamalkan amalan qudwah hasanah dalam kehidupan mereka dan cuba menerapkannya terhadap pelajar yang diajar di sekolah.

IMPLIKASI KAJIAN DAN CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Implikasi kajian ini penting dalam meningkatkan kesedaran tentang kesan amalan penerapan qudwah hasanah guru terhadap murid-murid. Bagi guru atau pensyarah, kajian ini menggariskan peranan mereka sebagai contoh teladan serta kepentingan penerapan amalan qudwah hasanah ini ditingkatkan dalam kalangan guru pelatih GPI. Oleh itu, disarankan supaya pihak KPM dan IPG mempelbagaikan sesi program atau latihan yang dapat meningkatkan kualiti peribadi guru sebagai agen qudwah hasanah. Dapatan kajian memberi implikasi bahawa sesuatu usaha wajar dilakukan bagi memastikan semua guru beramal dengan amalan qudwah hasanah kerana jumlah 21 peratus guru berada pada tahap sederhana tinggi merupakan suatu data yang agak besar dan langkah proaktif perlu dilakukan oleh pihak berwajib supaya setiap GPI beramal dengan amalan qudwah hasanah dengan bersungguh-sungguh. Tahap ilmu seseorang guru bukan penentu kepada amalan kerana terdapat guru yang berilmu namun kurang beramal dengan amalan qudwah hasanah. Pembinaan modul qudwah hasanah guru perlulah dihasilkan memandangkan impaknya yang sangat penting dalam pendidikan.

KESIMPULAN

Rasulullah SAW merupakan Qudwah hasanah terhebat kepada setiap muslim. Seorang guru muslim seharusnya menjadikan peribadi Rasulullah sebagai ikutan terbaik dan menerapkan amalan tersebut kepada pelajar. Lantaran itu setiap guru tanpa mengira latar belakang pendidikan atau latar belakang pelajar sama ada sekolah rendah atau sekolah menengah seharusnya sentiasa berusaha menunjukkan qudwah hasanah yang terbaik merangkumi hubungan dengan Allah, hubungan sesama manusia, penampilan diri dan beramal terhadap ilmu semasa atau selepas pengajaran dan pembelajaran.

Secara keseluruhannya guru-guru PDP dan PDPP beramal dengan keseluruhan amalan qudwah hasanah terutama dari segi penampilan dan kekemasan diri. GPI PDPP dan PDP Zon Utara juga menunjukkan pemahaman dan keupayaan mereka dalam menerapkan amalan qudwah hasanah kepada murid. Seharusnya, mereka terus konsisten dan istiqomah dalam melaksanakan amalan qudwah hasanah ini pada setiap masa dan dalam segala aspek kehidupan harian.

RUJUKAN

Ab. Halim Tamuri, (2021). *Amalan pengajaran guru Pendidikan Islam berasaskan konsep 5 mim di sekolah-sekolah agama di Indonesia*, Jurnal Yadim vol 1(1).

Ab. Halim Tamuri, Ahmad Munawar Ismail (2021), *Hubungan Persekitaran Sekolah dan Guru dengan Amalan Akhlak Murid Sekolah Menengah Malaysia*, International Journal of Islamic Thought Vol. 19: (June).

Abdullah Nasih Ulwan (1992), *Tarbiyah al-Awlad Fi Al-Islam*, j.2, c 21, Kaherah: Dar al- Salam

Abidin Ibnu Rusn (1998). *Pemikiran Al-Ghazali tentang pendidikan*. Yogyakarka: Pustaka Pelajar.

Abrashi, Muhammad 'Athiyah Al- (1977), *Dasar-dasar Pokok Pendidikan Islam*, H Bustami A. Gani (terj) cet.3, Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.

Ahmad Sukari Mohamad, Mohd Nizam Sahad (2014), *Teori Kepimpinan Guru dalam Pendidikan Berasaskan Pemikiran al-Ghazali: Satu Perbandingan Dengan Teori Kepimpinan Pendidikan Barat*, Jurnal Al-Afkar Edisi Khas, ms 163-196.

Ahmad Sukari Mohamad, Mohd Nizam Sahad (2020), *Kepimpinan Guru Berteraskan Ta'dib: Perspektif Baharu Kepimpinan Guru abad ke-21*, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Ahmad Fakhruddin, Najmi Mustapa & Khazri Osman (2024) *Pendekatan Dakwah Dan Tarbiah Di SMAASZA, Conference: Seminar Dakwah & Wahdah al-Ummah 2024, Universiti Kebangsaan Malaysia*

Al-Ghazali (2000). *Bidayatul hidayah: Permulaan jalan hidayah,* Abu Ali al-Banjari al-Nadwi (terj). Kedah: Al-Khazanah al-Banjariah.

Al-Ghazali (t.th), *Ilíya' 'Ulumiddin*, jil. 1, Maktabah Khariyathah, Putera Semarang, Indonesia.

Al-Nawawi (1987), *Adab al-Alim wa al-Muta'allim*, cet. 2, Uanla: Maktabah al-Qahebah.

Arifin Mamat et. al (2014), Tahap Profesinalisme Guru-guru Agama Sekolah Rendah Agama, Jabatan Agama Islam Selangor: Satu Kajian tentang Sikap Guru.

Asmawati Suhid (2006), "Pengajaran Adab Akhlak Islamiah Dalam Membangunkan Modal Insan", *Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 5)*, Hotel Vistana, Pulau Pinang, 5-6 Ogos 2006, h. 29-35. Rujuk sukatan pelajaran pendidikan Islam KBSR.

Astro Awani, 31 Mac 2022, Guru didakwa lakukan amang seksual, kelucahan melampau terhadap kanak-kanak 12 Oktober 2024

Bandura, A. (1999). Social Cognitive Theory of Personality. In Handbook of Personality (2nd ed., pp. 154–196). New York: Guilford Publications

Berita Harian ,21 Mac 2024, Guru didakwa perdagang wanita untuk exsploitasi seks, dimuat turun pada 12 Julai 2024

Berita Harian, 26 Disember 2017 dimuat turun pada 20 Oktober 2024

Berita Harian, 29 Julai 2016 dimuat turun pada 12 Oktober 2024

Fariza Md. Sham, Salasiah Hanin Hamjah, & Mohd. Jurairi Sharifuddin. (2013). Personaliti dari Perspektif Al-Ghazali. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Gamal Abdul Nasir (2003), *Prinsip Pendidikan Islam: Ibnu Sahnun, Al-Qabisi, Ibnu Khaldun*, Pahang: PTS Publications & Distributions.

Harian Metro, 27 Julai 2017 dimuat turun pada 12 Oktober 2024

Haron Din (1988), *Manusia dan Islam*, cet.3, Percetakan Watan Sdn. Bhd.

Kamarul Azmi Jasmi (2010), "Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah Di Malaysia: Satu Kajian Kes", (Tesis Phd, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia).

Malaysiakini, Disember 2023, Guru ponteng sekolah selama tujuh bulan, 12 Oktober 2024

Mohd Kamal Hassan (1988), *Pendidikan Dan Pembangunan Satu Perspektif Bersepadu*, Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

Muhammad Qutb (1987), *Manhaj al-Tarbiyyah al-Islamiah*, jil. 1, Kaherah: Dar al-Syurq,

Muhammady, Uthman el- (1982), *Peradaban Dalam Islam*, Kelantan: Pustaka Aman.

Noresah Baharum et.al. (2010), *Kamus Dewan Edisi Keempat*, cet.3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Sinar Harian, Disember 2021, Guru sekolah didakwa terima deposit haram, dimuat turun pada 12 Oktober 2024

Utusan Malaysia, November 2021, Guru didakwa atas 32 tuduhan seks luar tabii dan amang seksual dimuat turun pada 12 Julai 2024